

Guru Cemerlang Pendidikan Moral: Keperluan Menguasai Aspek Kandungan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral dan Implikasinya

Kalaiselvi Ettikan^{1*}, Nur Surayyah Madhubala Abdullah² & Umi Kalthom Abdul Manaf³

^{1,2} Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

³ Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRACT

Teachers play an important role in implementing Moral Education at school while improving the quality of student achievement. Knowing that the complexity of Moral Education, thus the teacher should have strong understanding and master the basic concept of moral, concept of Moral Education and content knowledge of Moral Education before teaching the students. It is important for a Moral Education expert teacher to master the content because it is the basic aspect in teaching and learning. Although the expert teachers are expert in the subject they are teaching, but the majority of Moral Education expert teachers does not majoring this subject. This conceptual paper will explain the importance of teacher mastering the content knowledge and the main concepts of Moral Education. Discussion of the important aspect for a Moral Education teacher in this paper are based on the concept of Moral Education at Malaysia by Aroff, theory of teachers knowledge by Shulman and also the theory of school and moral development by Sugarman.

Keywords: Excellent teachers, moral education in Malaysia, content knowledge

Abstrak

Guru memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah di samping meningkatkan kualiti pencapaian murid. Memandangkan Pendidikan Moral itu sendiri adalah kompleks, maka guru perlu mempunyai pemahaman yang kukuh dan menguasai konsep-konsep asas moral, konsep utama Pendidikan Moral dan isi kandungan Pendidikan Moral itu sendiri sebelum mengajar muridnya. Penguasaan aspek kandungan oleh guru cemerlang Pendidikan Moral adalah sangat penting kerana ia merupakan aspek asas dalam pengajaran dan pembelajaran. Walaupun secara umumnya diketahui guru cemerlang adalah pakar dalam mata pelajaran yang diajar, namun bagi Pendidikan Moral kelonggaran berlaku apabila majoriti guru cemerlang Pendidikan Moral tidak mempunyai pengkhususan dalam mata pelajaran ini. Kertas konsep ini akan menjelaskan tentang kepentingan guru menguasai pengetahuan kandungan dan konsep utama yang wajar difahami oleh guru cemerlang Pendidikan Moral di Malaysia. Perbincangan kertas ini adalah berdasarkan konsep Pendidikan Moral di Malaysia oleh Aroff, teori pengetahuan guru oleh Shulman dan teori sekolah dan perkembangan moral oleh Sugarman yang menyentuh tentang aspek penting bagi seorang guru Pendidikan Moral.

Kata Kunci: Guru cemerlang, pendidikan moral di Malaysia, pengetahuan kandungan

PENGENALAN

Pendidikan Moral di Malaysia telah dilaksanakan sejak tahun 1983 dan merupakan satu mata pelajaran teras yang diajar kepada murid dengan tujuan untuk mendidik mereka menjadi insan yang berdisiplin dan berakhlik

*Corresponding author: kselvi_e@yahoo.com.sg

ISSN: 2289-...X © Universiti Putra Malaysia Press

mulia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004). Bagi mencapai matlamat Pendidikan Moral, pelbagai pihak memainkan peranan yang penting secara langsung dan tidak langsung. Pihak-pihak yang terlibat secara langsung adalah penggubal kurikulum Pendidikan Moral, pihak sekolah, guru dan murid. Masyarakat pula seperti ibu bapa memainkan peranan secara tidak langsung dalam mendidik anaknya bagi mencapai matlamat Pendidikan Moral. Namun pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Moral selama tiga dekad ini, telah mengalami pelbagai masalah dari segi matlamat dan kurikulum itu sendiri (Aroff, 1984), latihan guru (Mukherjee, 1980), pengajaran dan pembelajaran guru serta murid (Rahman, 2007; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008; Abdullah, 1999; Balakrishnan, 2010).

Walaupun pelbagai masalah timbul daripada pelaksanaan Pendidikan Moral di Malaysia, namun tumpuan yang lebih diberikan kepada guru yang mengajar mata pelajaran ini. Menurut Stronge (2010), keberkesan pengajaran dan pembelajaran amat bergantung kepada sesiapa yang mengajar dan juga siapa yang diajar. Keberkesan pengajaran dan pembelajaran adalah sinonim dengan guru-guru yang berpengalaman apatah lagi jika disebut guru cemerlang. Guru cemerlang Pendidikan Moral merupakan guru yang cemerlang dari segi personaliti, kemahiran, pengetahuan serta mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Oleh hal yang demikian, guru cemerlang Pendidikan Moral mempunyai pengaruh yang besar dalam mendidik murid menjadi insan yang berdisiplin dan berakhhlak mulia.

Justeru, kertas ini akan membincangkan mengenai keperluan guru cemerlang Pendidikan Moral dalam menguasai kandungan Pendidikan Moral. Penguasaan kandungan yang dimaksudkan dalam kertas ini adalah guru yang mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang yang diajar termasuk pengetahuan dalam pendidikan moral dan kurikulum Pendidikan Moral (Aslam & Kingdon, 2011; Metzler & Woessmann, 2012; Shulman, 1987). Hal ini demikian kerana pendidikan moral harus memberi fokus kepada kebolehan murid menaakul secara bebas dan rasional dalam membuat sesuatu keputusan moral (Aroff & Chang, 1994). Sebaliknya Pendidikan Moral di Malaysia adalah untuk mendidik murid berakhhlak mulia melalui pemupukan nilai-nilai murni masyarakat. Jelasnya terdapat perbezaan antara pendidikan moral dan Pendidikan Moral di Malaysia, maka guru cemerlang Pendidikan Moral perlu mempunyai pengetahuan yang luas bagi menghasilkan insan bermoral atau murid yang berakhhlak mulia.

Perbincangan dalam kertas ini adalah berdasarkan idea Aroff (1988) dan Sugarman (1973) mengenai konsep asas moral dan Pendidikan Moral, saranan Pusat Perkembangan Kurikulum (2004) mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral dan dapatkan pengkaji-pengkaji lepas seperti Abdullah (1999) dan Balakrishnan (2010) mengenai kepentingan guru menguasai konsep asas moral. Perbincangan dan perspektif yang diperoleh ini adalah perlu dalam bidang Pendidikan Moral memandangkan tidak banyak kajian yang dijalankan mengenai keperluan pengetahuan kandungan bagi guru Pendidikan Moral. Oleh hal yang demikian, perbincangan dan perspektif yang diutarakan dalam kertas ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk memperoleh satu idea tentang aspek yang perlu dikuasai oleh guru terutamanya guru cemerlang Pendidikan Moral.

Latar Belakang

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan konsep Guru Cemerlang pada tahun 1994 sebagai satu laluan kenaikan pangkat sebagai ganjaran kepada guru yang pakar dalam sesuatu mata pelajaran. Ini adalah untuk mengelak guru-guru yang berdedikasi ini ditukarkan ke jawatan pentadbiran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Dengan cara ini, guru-guru yang bermotivasi tinggi, mahir, berpengalaman dan pakar dalam sesuatu bidang tertentu dapat terus dikenalkan untuk mengajar di sekolah bagi memperkasakan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Guru cemerlang yang dilantik ini adalah berdasarkan kepada beberapa aspek kecemerlangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu aspek peribadi, pengetahuan dan kemahiran, hasil kerja, komunikasi, potensi dan sumbangan kepada kemajuan pendidikan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Guru-guru yang memohon jawatan guru cemerlang juga perlu mempunyai pengalaman mengajar melebihi lima tahun dan mengajar mata pelajaran kepakarannya bagi tiga tahun terakhir berturut-turut sebelum membuat permohonan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Ini bermakna walaupun guru tersebut tidak mempunyai pengkhususan dalam mata dalam bidang yang diajar, juga layak memohon jawatan guru cemerlang. Dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, terdapat seramai lima puluh tujuh Guru Cemerlang. Guru cemerlang Pendidikan Moral yang dilantik ini bukan sahaja dilantik berdasarkan pengkhususan tetapi juga dilantik berdasarkan tempoh mengajar Pendidikan Moral serta keupayaannya meningkatkan pencapaian akademik Pendidikan Moral. Keadaan ini membangkitkan pelbagai persoalan. Adakah pengetahuan kandungan bagi guru Pendidikan Moral tidak penting? Sejauh mana guru cemerlang Pendidikan Moral mempunyai penguasaan dalam kandungan Pendidikan Moral?

Walaupun perlantikan guru cemerlang telah melalui beberapa proses saringan untuk tujuan melantik mereka yang betul-betul pakar dan cemerlang namun terdapat isu yang tidak diingini timbul. Menurut Rahim (2013), terdapat isu yang menyatakan bahawa guru cemerlang yang dipantau di sekolah kurang menyerlah dan tidak terdapat perbezaan dengan guru biasa di sekolah. Pelbagai persoalan timbul akibat daripada hasil pemantauan ini. Adakah guru cemerlang Pendidikan Moral tergolong dalam kumpulan ini? Apakah tahap kecemerlangan dan kepakaran guru cemerlang Pendidikan Moral? Oleh itu kertas konsep ini adalah penting kerana memberi ruang untuk perbincangan mengenai isu ini. Justeru, sebelum menjawab persoalan yang diutarakan, adalah penting untuk melihat apakah yang perlu dikuasai oleh guru cemerlang Pendidikan Moral.

Sorotan Kajian

Bahagian ini merupakan perbincangan dan penjelasan mengenai keperluan menguasai pengetahuan kandungan oleh guru cemerlang Pendidikan Moral. Sorotan kajian ini berdasarkan kepada kajian-kajian lepas serta teori yang berkaitan dengan pengetahuan kandungan. Menurut Shulman (1987), pengetahuan kandungan merupakan pengetahuan asas sesuatu mata pelajaran yang diperlukan oleh seorang guru dan merupakan elemen paling penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru yang hanya mempunyai asas pengetahuan tetapi tidak menguasainya tidak mungkin dapat mengajar dengan berkesan (Grossman, Hammerness, & McDonald, 2009). Ini bermakna guru yang memiliki pengetahuan dalam bidangnya, perlu mahir dalam penyampaian kepada murid supaya pengajaran dan pembelajaran yang berkesan berlaku. Kemahiran menyampaikan pengetahuan berlaku apabila guru faham dan menguasai pengetahuan kandungan mata pelajaran yang diajar.

Menurut Aroff dan Chang (1994) adalah tidak wajar sekiranya guru yang tidak mempunyai asas pengetahuan dalam Pendidikan Moral mengajar murid. Pendidikan Moral bukanlah mata pelajaran yang mudah untuk diajar, kerana ia memerlukan guru yang betul-betul memahami dan menguasai setiap konsep dalam Pendidikan Moral supaya penyampaian isi pelajaran adalah berkesan. Keberkesan pengajaran dan pembelajaran amat bergantung kepada guru yang mengajar dan murid yang mempelajari suatu mata pelajaran. Oleh hal yang demikian, penguasaan pengetahuan kandungan guru cemerlang Pendidikan Moral adalah sangat penting kerana ia akan mempengaruhi pembelajaran murid di dalam kelas (Solis, 2009).

Satu kajian telah dijalankan oleh Rahman (2007) untuk melihat pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperolehi melalui temubual, senarai semak serta analisis dokumen. Responden kajian terdiri daripada tiga orang guru berpengalaman Pendidikan Moral di sebuah sekolah. Hasil dapatan kajian menunjukkan guru-guru kurang mempunyai pengetahuan dalam konsep-konsep moral, nilai, dan isi pelajaran. Hasil pembelajaran juga kurang selaras dengan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Empat. Guru berpengalaman ini didapati keliru antara nilai dan tajuk pengajaran yang mempengaruhi isi pelajaran dan hasil pembelajaran. Hanya pendekatan pemupukan nilai serta teknik pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru digunakan sewaktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pengajaran guru lebih berpusatkan kepada persediaan menjawab soalan dalam peperiksaan dan kurang memberi penekanan kepada dimensi moral secara seimbang. Impak kepada masalah penguasaan guru dalam isi kandungan bukan sahaja mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran tetapi juga memberi kesan terhadap pencapaian murid (Mahamod & Nor, 2012).

Ini menunjukkan betapa pentingnya seorang guru untuk mempunyai pengkhususan dalam bidang yang diajar, apatah lagi sebagai seorang guru cemerlang. Ini adalah kerana guru yang menguasai isi kandungan mata pelajaran membantu meningkatkan kefahaman murid dalam topik yang diajar (Shadreck & Isaac, 2012). Ada pandangan yang menyatakan bahawa guru yang mempunyai pengkhususan suatu mata pelajaran lebih menguasai isi kandungan mata pelajaran dengan baik. Namun dapatan kajian Mahamod dan Nor (2012) menunjukkan bahawa guru Bahasa Iban yang tidak mempunyai pengkhususan dalam mata pelajaran yang diajar menguasai isi kandungan dengan lebih baik berbanding guru yang mempunyai pengkhususan dalam mata pelajaran yang diajar. Ini adalah kerana guru yang mengajar Bahasa Iban adalah berasal daripada kaum Iban itu sendiri. Guru-guru ini telah pun mempunyai pengalaman awal dalam menggunakan bahasanya sendiri yang dapat membantu ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Dapatan Mahamod dan Nor (2012) bercanggah dengan dapatan Rahman (2007) di mana guru yang mempunyai pengkhususan (minor) dalam mata pelajaran Pendidikan Moral belum lagi menguasai isi kandungan dengan baik. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana guru yang mengajar Pendidikan Moral berasal daripada pelbagai latar belakang seperti mempunyai budaya yang berbeza, pegangan nilai yang berbeza serta kelas sosio-ekonomi yang berbeza. Kepelbagaiannya latar belakang ini mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas (Sugarman, 1973). Keadaan ini sudah pasti akan mempengaruhi hasil pembelajaran Pendidikan Moral dan matlamat yang diharapkan tidak mungkin dapat dicapai. Oleh hal yang demikian, pengkhususan adalah perlu bagi guru yang mengajar Pendidikan Moral. Melalui pengkhususan, guru-guru akan didekahkan mengenai

pengetahuan kandungan yang perlu dikuasai supaya guru Pendidikan Moral dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Penguasaan pengetahuan kandungan adalah amat penting kepada guru Pendidikan Moral. Ini kerana konsep-konsep yang difahami tidak akan diajar secara langsung kepada muridnya. Konsep-konsep ini akan diterapkan secara tidak langsung dalam pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya guru memahami setiap konsep dan fungsinya, pengajaran dan pembelajaran akan menjadi mudah kerana guru tahu tujuan setiap pengajaran. Ini akan memudahkan cara penyampaian guru kepada bentuk yang mudah difahami oleh murid. Susunan pengajaran menjadi teratur dan kaedah pengajaran lebih berpusatkan murid menyebabkan murid memahami tujuan pengajaran (Zakaria, 2011).

Satu kerangka telah dicadangkan oleh Nogueira dan Moreira (2012) bagi mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan di negara Portugis. Kerangka ini dicadang berikutan guru tidak mempunyai pengetahuan yang khusus dalam bidang kewarganegaraan. Dalam kerangka yang dicadangkan, keperluan guru menguasai pengetahuan kandungan diberi keutamaan. Ini adalah disebabkan tanpa penguasaan guru dalam pengetahuan kandungan, guru tidak dapat mengolah isi pelajaran dan menyampaikan dengan berkesan dan menarik. Selain penguasaan isi kandungan, elemen-elemen lain seperti pengetahuan dalam kurikulum, pengetahuan mengenai pemahaman murid dalam mata pelajaran, pengetahuan pedagogi serta pengetahuan tentang mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan juga perlu di kuasai oleh setiap guru yang akan mengajar mata pelajaran ini. Ini menyokong pendapat (Shulman, 1987) yang menyatakan dengan hanya menguasai pengetahuan kandungan, seorang guru mungkin tidak dapat menyampaikan pengajarannya secara berkesan. Guru perlu menguasai strategi pengajaran kerana di dalam satu kelas terdiri daripada murid yang mempunyai pelbagai kebolehan dan latar belakang.

Apabila wujud murid yang mempunyai pelbagai kebolehan dalam satu kelas, murid-murid ini mempunyai harapan yang berbeza daripada guru yang mengajar. Halim, Abdullah, dan Meerah (2013) mendapati bahawa murid yang berpencapaian tinggi menaruh harapan yang tinggi daripada guru. Murid-murid ini mengharapkan guru bersedia dengan sepenuhnya sebelum memulakan pengajaran di dalam kelas. Persediaan guru termasuklah persediaan mengenai mata pelajaran yang diajar, isi kandungan yang akan disampaikan, penggunaan alat bahan bantu mengajar dengan mengambil kira karakteristik murid yang akan diajar. Walaupun murid berpencapaian rendah mempunyai harapan yang rendah daripada gurunya, namun guru perlu mempunyai pengetahuan dalam pelbagai dimensi supaya guru ini dapat mengolah isi pelajarannya bagi menarik minat murid sewaktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh hal yang demikian, pengetahuan kandungan guru memainkan peranan yang penting bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam kelas.

Walaupun kajian yang mengkaji elemen pengetahuan kandungan guru Pendidikan Moral kurang tetapi pelbagai kajian telah dijalankan dalam bidang lain seperti bidang Sains, Matematik dan Bahasa. Chantaramina dan Yuenyong (2014) telah menjalankan satu kajian terhadap guru pakar Fizik di sebuah sekolah di Thailand untuk mengkaji elemen pengetahuan kandungan dan pedagogi guru pakar. Kajian berbentuk kualitatif dilakukan dengan menemubual dan pemerhatian di dalam kelas sewaktu guru pakar mengajar. Dapatkan kajian menunjukkan pengetahuan kandungan dan pedagogi guru pakar membolehkan murid membina pemahaman terhadap mata pelajaran sains dan pengetahuan mereka dalam konteks sosial. Kepelbagaiannya aktiviti yang dijalankan sewaktu pengajaran dan pembelajaran dapat mengekalkan minat belajar murid. Ini menunjukkan kepentingan guru pakar memberi tumpuan kepada pengetahuan dan pemahaman murid dalam konteks yang diajar.

Satu kajian telah dilakukan terhadap penuntut universiti oleh Jang (2011) untuk menilai pengetahuan kandungan dan pedagogi enam pensyarah dari pelbagai pengkhususan melalui persepsi penuntut universiti. Kajian ini telah menggunakan teori pengetahuan asas guru yang dipelopori oleh Shulman. Jang telah membina instrumen sendiri untuk mendapatkan data kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa dua daripada enam pensyarah mempunyai tahap pengetahuan kandungan dan pedagogi yang baik. Manakala pengetahuan kandungan dan pedagogi bagi empat pensyarah memerlukan penambahbaikan dari segi mengetahui pengetahuan lepas murid, pendekatan pengajaran, penggunaan pedagogi dan penilaian pengajaran yang terlalu sukar. Dapatkan kajian ini menunjukkan, walaupun responden kajian terdiri daripada pensyarah berpengalaman namun pengetahuan kandungan dan pedagogi mereka masih memerlukan penambahbaikan.

Zakaria, Yaakob, Maat, & Adnan (2010) telah menjalankan satu kajian terhadap 250 murid matrikulasi di Malaysia. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk melihat pengetahuan konseptual matematik pensyarah dan hubungannya dengan pencapaian murid. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan ujian pengetahuan konseptual untuk diedarkan kepada responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan konseptual matematik murid aliran akaun adalah rendah berbanding dengan murid aliran sains. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara pengetahuan konseptual

matematik dengan pencapaian akademik murid. Ini menunjukkan pengetahuan konsep yang dimiliki oleh guru mempengaruhi secara langsung pengetahuan konsep murid. Pengetahuan konsep murid sangat penting dalam menyelesaikan soalan berbentuk penyelesaian masalah.

Selain itu, guru cemerlang yang menguasai pengetahuan kandungan juga dipercayai mampu menarik minat murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid yang komited di dalam kelas dapat menunjukkan pencapaian yang positif kerana memahami apa yang disampaikan oleh gurunya (Hashim, 2013). Pemahaman murid boleh diketahui melalui sesi soal jawab yang dilakukan di dalam kelas oleh guru dan muridnya. Namun apa yang berlaku hari ini di dalam kelas Pendidikan Moral adalah, situasi di mana guru mengenalkan suatu topik atau nilai, diikuti dengan perbincangan dalam satu kumpulan kecil dan diakhiri dengan pembentangan oleh ahli kumpulan tersebut berdasarkan catatan atas kertas mahjong dengan ringkas dan tergesa-gesa tanpa sebarang persoalan dan perbincangan yang bermakna di dalam kelas (Hashim, 2013). Aktiviti seperti ini seolah-olah diadakan untuk mengisi masa kelas. Situasi ini menunjukkan kelemahan guru yang tidak menguasai isi pelajarannya dan kurangnya pengetahuan kandungan yang menyebabkan guru tidak membuat perbincangan lanjut dengan muridnya.

Situasi seperti ini bukan sahaja mempamerkan kelemahan guru tetapi juga mempengaruhi perkembangan moral murid. Sugarman (1973) menyatakan bahawa salah satu faktor yang mempengaruhi perkembangan moral murid adalah pengetahuan guru dalam Pendidikan Moral. Pengetahuan yang diperolehi ketika program perguruan serta pengalamannya memainkan peranan dalam perkembangan moral murid yang boleh diukur melalui tingkah laku murid. Perkembangan moral bermaksud apabila seorang murid menghadapi suatu situasi, murid tersebut dapat berfikir, mempunyai perasaan serta bertindak bagi menyelesaikan situasi yang dihadapinya. Perkembangan moral adalah penting kerana dapat menggalakkan murid membuat tindakan yang rasional.

Berdasarkan sorotan kajian di atas, dapat dirumuskan bahawa guru cemerlang Pendidikan Moral harus menguasai pengetahuan kandungan. Penguasaan pengetahuan kandungan mempunyai banyak kepentingan bukan sahaja kepada guru tetapi juga kepada murid. Guru yang menguasai pengetahuan kandungan mampu mengolah isi pelajarannya kepada bentuk yang mudah difahami oleh murid yang terdiri daripada pelbagai kebolehan. Penguasaan guru dalam pengetahuan kandungan adalah amat penting dalam kesemua fasa pengajaran dan pembelajaran dari menyediakan rancangan pengajaran sebelum mengajar hingga membuat refleksi diri selepas pengajaran.

Namun begitu kajian-kajian dalam Pendidikan Moral yang mengkaji pengetahuan kandungan adalah terlalu kurang. Hanya kajian Rahman (2007) lebih menjurus kepada pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral. Tetapi kajian ini tidak mengkaji apa yang perlu dikuasai oleh guru Pendidikan Moral. Kajian yang dijalankan hanya kepada guru Pendidikan Moral. Kajian kes yang dilakukan di sebuah sekolah sahaja tidak dapat digeneralisasikan kepada semua guru Pendidikan Moral. Oleh hal yang demikian, kajian mengenai pengetahuan kandungan perlu diperbanyakkan memandangkan pengetahuan kandungan memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran murid.

Satu Perspektif tentang Keperluan Pengetahuan Kandungan

Memandangkan guru Pendidikan Moral memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka guru perlu menguasai isi pelajaran serta beberapa konsep penting dalam Pendidikan Moral. Menurut Aroff (1986), guru yang mempunyai pemahaman yang berbeza terhadap konsep-konsep asas moral menyebabkan pengajaran guru Pendidikan Moral mempengaruhi matlamat, kandungan dan kaedah mengajar Pendidikan Moral. Ini adalah kerana terdapat perbezaan pendapat tentang konsep asas moral dari sudut pandangan psikologi, sosiologi dan falsafah (Mukherjee, 1980). Oleh hal yang demikian, guru Pendidikan Moral perlu memastikan bahawa konsep-konsep asas moral yang dipegang dan difahami selari dengan konsep Pendidikan Moral di Malaysia. Kefahaman konsep ini adalah penting untuk mencapai matlamat mata pelajaran ini. Selain mempunyai pemahaman dalam konsep-konsep asas moral dengan baik, guru Pendidikan Moral perlu mahir menghubungkaitkan konsep-konsep asas moral dengan isi kandungan Pendidikan Moral (Syukria, Halim, Meerah, & Buang, 2013).

Justeru, guru cemerlang Pendidikan Moral perlulah menguasai konsep asas tentang moral iaitu memahami maksud moral dari perspektif falsafah, psikologi dan sosiologi (Aroff, 1988). Ketiga-tiga perseptif ini mempunyai pengertian yang berbeza mengenai moral. Contohnya, ahli sosiologi berpandangan moral adalah berkaitan dengan peraturan masyarakat manakala ahli psikologi menyatakan bahawa moral adalah berkait dengan pemikiran, perasaan dan tingkah laku moral. Selain maksud moral, guru cemerlang Pendidikan Moral perlu mempunyai pengetahuan tentang konsep pendidikan moral. Pendidikan moral secara umum adalah bertujuan untuk mendidik murid menjadi insan bermoral (Aroff & Chang, 1994). Insan bermoral yang disarankan adalah individu yang mampu berfikir, mempunyai perasaan dan bertindak berdasarkan peraturan dan

prinsip moral. Menurut Abdullah (1999), pemahaman terhadap konsep-konsep asas moral ini dapat membantu guru membuat penjelasan yang lebih terperinci ketika mengajar Pendidikan Moral berdasarkan isi kandungan dan memilih kaedah pengajaran yang sesuai. Ini kerana kunci kepada pengajaran Pendidikan Moral adalah pemahaman guru terhadap konsep-konsep asas moral. Dengan ini, ia dapat membantu meningkatkan pemahaman murid seterusnya perkembangan moral berlaku di kalangan setiap murid.

Selain menguasai konsep-konsep asas moral, guru cemerlang Pendidikan Moral juga perlu memahami dan menguasai konsep-konsep asas Pendidikan Moral. Konsep-konsep asas Pendidikan Moral terdiri daripada dimensi moral, justifikasi moral, baik, benar, patut dan dilemma moral. Dimensi moral pula terdiri daripada penaakulan moral, emosi moral dan tingkah laku moral. Penaakulan moral adalah proses memperkembangkan kebolehan membuat pertimbangan atau keputusan moral tanpa dipengaruhi perasaan dan pandangan orang lain (Aroff & Chang, 1994). Menurut Rahman (2007), pemikiran murid dapat dipertingkatkan dengan mengemukakan pelbagai soalan dan murid menjustifikasi pilihan jawapan berdasarkan prinsip-prinsip moral. Pandangan di atas menyokong penjelasan Kohlberg (1981) di mana individu dapat menentukan apa yang baik dan tidak dalam sesuatu situasi. Oleh yang demikian, penaakulan moral adalah penting bagi murid untuk membuat keputusan secara rasional. Guru haruslah menguasai dimensi penaakulan moral bagi membantu perkembangan pemikiran murid demi menjawab soalan dan digunakan dalam kehidupan sehari-hari.

Guru Pendidikan Moral juga perlu menguasai prinsip-prinsip Pendidikan Moral. Menurut Aroff (1988) terdapat tiga prinsip moral iaitu autonomi, keadilan dan altruisme. Penguasaan dan pemahaman terhadap ketiga-tiga prinsip moral adalah penting dalam membuat sesuatu keputusan moral. Prinsip-prinsip ini perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral oleh guru supaya murid lebih rasional dalam memberikan jawapan ketika sesi penyoalan. Malah prinsip-prinsip yang dinyatakan ini disokong oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2004) dalam Huraian Sukatan Pelajaran objektif kelimanya iaitu membolehkan murid mengamalkan tingkah laku bermoral berdasarkan prinsip-prinsip moral selaras dengan nilai murni masyarakat Malaysia.

Hanya dengan pemahaman konsep dan prinsip, seorang guru pakar tidak mungkin dapat menyampaikan pengajaran tanpa penguasaan isi kandungan. Pemahaman dan penguasaan guru terhadap isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Moral menunjukkan perbezaan guru pakar dengan guru-guru yang lain. Ini kerana guru pakar seharusnya mampu menterjemahkan pengetahuan terhadap kandungan subjek mengikut tahap dan kefahaman murid (Syukria et al., 2013). Dalam Pendidikan Moral peringkat menengah atas, terdapat tujuh bidang pembelajaran yang harus difahami dan dikuasai oleh guru Pendidikan Moral. Namun pengajaran adalah tidak lengkap sekiranya guru hanya memahami kandungan subjek tetapi tidak dapat menghubungkait dengan konsep-konsep asas moral dan konsep Pendidikan Moral. Aspek-aspek ini tidak dapat dipisahkan daripada Pendidikan Moral (Aroff, 1986). Sekiranya ia berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral, maka wujudlah keadaaan di mana pengajaran secara tradisional akan berlaku. Contohnya, guru hanya mengajar berpandukan buku teks, murid diajar untuk menghafal nilai kerana guru tidak dapat memperkembangkan idea berdasarkan isi kandungan dengan konsep (Rahman, 2007).

Bagi mengelakkan pengajaran secara teradisional berlaku di dalam kelas, guru cemerlang Pendidikan Moral perlu mengambil kira saranan Pusat Perkembangan Kurikulum (2004) mengenai kepelbagaiannya kaedah dan strategi pengajaran di dalam kelas. Kebolehan guru mempelbagaikan kaedah dan strategi mengajar dapat meningkatkan minat belajar dan pencapaian murid. Balakrishnan (2010) mendapati guru yang membincangkan pelbagai situasi moral dengan teknik yang pelbagai meningkatkan kefahaman murid dan mempengaruhi perkembangan moral murid. Pembelajaran aktif tidak akan berlaku di kalangan murid sekiranya kaedah pengajaran guru tidak kreatif. Maka, guru cemerlang Pendidikan Moral perlu mempunyai pengetahuan mengenai kepelbagaiannya kaedah dan strategi mengajar untuk mewujudkan pembelajaran yang aktif berlaku di kalangan murid.

Kesimpulannya, penguasaan pengetahuan kandungan bukan sahaja penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi juga memainkan peranan dalam perkembangan moral murid. Oleh yang demikian, guru yang dilantik mengajar Pendidikan Moral tidak boleh mengajar sembarang tanpa menguasai pengetahuan kandungan. Penguasaan pengetahuan kandungan bukan sahaja penting untuk memotivasi diri guru sewaktu mengajar tetapi juga meningkatkan motivasi belajar murid. Adalah wajar guru menguasai pengetahuan kandungan sebelum mengajar suatu mata pelajaran lebih-lebih lagi bagi guru cemerlang.

Implikasi

Implikasi perbincangan dalam kertas ini menunjukkan bahawa pengetahuan kandungan adalah perlu dikuasai oleh guru cemerlang dalam Pendidikan Moral. Dalam melantik guru cemerlang, jemaah nazir perlu mengambil kira keperluan ini kepada guru cemerlang. Selain itu, pihak pentadbir di sekolah harus berhati-hati dalam

melantik guru mengajar Pendidikan Moral. Melantik guru mengajar Pendidikan Moral bukanlah untuk memenuhi ruang jadual guru tetapi perlu dipastikan bahawa guru ini mempunyai pengetahuan dalam bidang yang diajar supaya pengajaran dan pembelajaran berlaku secara berkesan. Pihak kementerian terutamanya unit latihan perlu memastikan bilangan guru terlatih dalam bidang Pendidikan Moral mencukupi untuk disalurkan ke sekolah. Unit bahagian latihan, universiti, maktab serta unit perkembangan kurikulum harus menyediakan program yang betul-betul dapat melatih guru yang mahir dalam bidang Pendidikan Moral. Memandangkan penguasaan pengetahuan kandungan adalah penting dalam Pendidikan Moral, maka adalah wajar dikaji tentang penguasaan pengetahuan kandungan oleh guru cemerlang Pendidikan Moral. Hasil kajian ini boleh digunakan untuk menambah baik lagi perlantikan guru cemerlang serta meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

KESIMPULAN

Pengetahuan kandungan bagi guru cemerlang Pendidikan Moral adalah sangat penting bagi mencapai matlamat mata pelajaran ini. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak sekolah serta guru cemerlang Pendidikan Moral perlu memandang serius tentang keperluan pengetahuan kandungan dalam mengajar Pendidikan Moral. Perlu diingatkan kecemerlangan Pendidikan Moral bukan dalam mencapai prestasi akademik yang baik tetapi melahirkan murid yang berdisiplin, berakhhlak mulia serta bermoral.

RUJUKAN

- Abdullah, N.S.M. (1999). The understanding of moral education among form four moral education teachers in the Federal Territory. Master Thesis. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Aroff, A.R. (1988). *Pengenalan Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Aroff, A.R.M. (1984). Matlamat Pendidikan Moral: Suatu Penilaian Terhadap Matlamat Projek Pendidikan Moral Di Malaysia. *Pendidik Dan Pendidikan*, 6, 52–60.
- Aroff, A.R. & Chang, L.H. (1994). *Pendidikan Moral* (1st ed.). Petaling Jaya: Longman.
- Aslam, M., & Kingdon, G. (2011). What can teachers do to raise pupil achievement? *Economics of Education Review*, 30(3), 559–574. <http://doi.org/10.1016/j.econedurev.2011.01.001>
- Balakrishnan, V. (2010). The Development Of Moral Education In Malaysia. *Asia Pacific :Journal of Educators and Education*, 25, 89–101.
- Barrow, R. (2007). *An Introduction to Moral Philosophy and Moral Education*. New York: Routledge.
- Chantaranima, T., & Yuenyong, C. (2014). The Pedagogical Content Knowledge Exploration from the Thai Expert Physics Teacher's Class. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 116, 389–393. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.01.227>
- Grossman, P., Hammerness, K., & McDonald, M. (2009). Redefining teaching, re-imagining teacher education. *Teachers and Teaching*, 15(2), 273–289. <http://doi.org/10.1080/13540600902875340>
- Halim, L., Abdullah, S.I.S.S., & Meerah, T.S.M.M. (2013). Students' Perceptions of Their Science Teachers' Pedagogical Content Knowledge. *Journal of Science Education and Technology*, 23(2), 227–237. <http://doi.org/10.1007/s10956-013-9484-2>
- Hashim, R. (2013). Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Menerusi Inkuiri dan Pedagogi Filosofiyyah Dalam Kalangan Guru. In *Persidangan Majlis Dekan Fakulti Pendidikan* (pp. 1–10). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jang, S. (2011). Using a Developed Instrument to Evaluate University Students' Perceptions of Six Teachers' Pedagogical Content Knowledge. *US-China Education Review*, 1, 31–43.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Terma Rujukan Konsep Guru Cemerlang*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti : Laporan Tahunan*. Putrajaya.
- Kohlberg. (1981). The Philosophy of Moral Development. New York: Harper and Row
- Mahamod, Z., & Nor, M.a. (2012). Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12, 593–608.
- Metzler, J., & Woessmann, L. (2012). The impact of teacher subject knowledge on student achievement: Evidence from within-teacher within-student variation. *Journal of Development Economics*, 99(2), 486–496. <http://doi.org/10.1016/j.jdeveco.2012.06.002>
- Mukherjee, G. H. (1980). Moral Education and the Teacher Training Programme. *Pendidik Dan Pendidikan*, 1(2), 46–53.
- Nogueira, F., & Moreira, A. (2012). A Framework for Civic Education Teachers' Knowledge. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 47, 1179–1183. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.06.797>
- Putra Perkembangan Kurikulum. (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Empat*. Putrajaya.
- Rahim, T.A.A. (2013). *Peranan Guru Cemerlang Dalam Meningkatkan Kompetensi Guru Lain Dan Prestasi Akademik Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Rahman, A.S.C.A. (2007). *Pengetahuan Kandungan Dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat Di Sebuah Sekolah*. Universiti Malaya.

- Shadreck, M., & Isaac, M. (2012). Science Teacher Quality and Effectiveness: Gweru Urban Junior Secondary School Students' Points of View. *Asian Social Science*, 8(8), 160–165. <http://doi.org/10.5539/ass.v8n8p160>
- Shulman, L. (1987). *Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform*. Harvard Educational Review.
- Solis, A. (2009). What Matters Most in the Professional Learning of Content Teachers in Classrooms with Diverse Student Populations. Retrieved from <http://www.idra.org>
- Stronge, J. H. (2010). *Effective Teachers - Students Achievement*. New York: Eye On Education.
- Sugarman, B. (1973). *The School And Moral Development*. Croom Helm London.
- Syukria, M., Halim, L., Meerah, T.S.M.M., & Buang, N.A. (2013). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Sains Sekolah Rendah dalam Mengajarkan Pemikiran Sains Keusahawanan: Satu Kajian Kes. *Jurnal Teknologi*, 2(63), 13–19.
- Zakaria, E., Yaakob, M.J., Maat, S.M., & Adnan, M. (2010). Conceptual knowledge and mathematics achievement of matriculation students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 9, 1020–1024.
- Zakaria, Z. (2011). Guru biologi permulaan dan berpengalaman:satu kajian kes. Tesis Sarjana. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Idris Shah.